

26/02/1997

Netscape buka pejabat di MSC

NETSCAPE Communications Corp, pengeluar perisian utama Internet dunia akan membuka pejabatnya di Koridor Raya Multimedia (MSC) pertengahan April ini bagi menyertai gagasan mewujudkan industri multimedia tempatan dan dunia.

Naib Presiden Asia Pasifiknya, Quantin Gallivan, berkata Netscape bercadang untuk menyertai aplikasi kerajaan elektronik, prasarana MSC dan sekolah bestari yang sedang dirancang untuk dibangunkan di MSC.

"Cadangan sudah dimajukan kepada Perbadanan Pembangunan Multimedia terutamanya bagi aplikasi sekolah bestari yang mana ia boleh memanfaatkan teknologi Netscape," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurutnya, komitmen yang diberi oleh Netscape itu hasil pertemuan antara Ketua Eksekutif Netscape, James Barksdale dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika lawatan promosi MSC di Amerika Syarikat Januari lalu.

James Barksdale adalah ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi MSC yang turut dianggotai oleh 29 ketua eksekutif syarikat teknologi maklumat terkemuka dunia.

Sementara itu, CyberTouch Sdn Bhd, pengedar tunggal rasmi produk Netscape di negara ini melantik lima vendor utama teknologi maklumat (IT) sebagai rakan niaga bagi memasarkan barangan dan teknologi Netscape untuk pelbagai sektor seperti perbankan, telekomunikasi, pengeluaran dan kerajaan.

Antara vendor yang dilantik ialah Bass Consulting Sdn Bhd, Intraware Sdn Bhd, MCSB Systems (M) Bhd, Sepakat Consultant Sdn Bhd dan The Network Connections Sdn Bhd (anak syarikat Telekom Malaysia).

Ketua Eksekutif CyberTouch Sdn Bhd, Steve Hsia, berkata mereka dipilih berasaskan kriteria seperti kebolehan menyelenggara Internet, pelaburan dalam sumber manusia, fokus terhadap perniagaan dan keupayaan pengedaran.

"Apa yang penting mereka mempunyai komitmen tinggi bagi membangunkan sistem penyelesaian bersepadu Intranet untuk pasaran tempatan," katanya.

Menurutnya, CyberTouch juga memperkenalkan Program Bersepadu Intranet Netscape (PBIN) bertujuan bagi menjalin kerjasama erat dengan 10 hingga 15 rakan niaga di seluruh Malaysia.

"Strategi kami ialah memasarkan produk Netscape secara agresif ke arah pasaran Intranet tahun ini, berasaskan rancangan promosi dan pemasaran bersama di samping pendidikan dan latihan," katanya.

Netscape dan CyberTouch berasa optimis dapat menguasai pasaran Intranet di seluruh dunia. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Forrester Research, ia menganggarkan pasaran Intranet dunia menjelang tahun 2000 ialah RM25 bilion.

Berasaskan statistik itu, Netscape bercadang menguasai 50 peratus daripadanya termasuk pasaran mel elektronik berasaskan teknologi web dan aplikasi berkumpulan.

(END)